

16 OCT 1997

AEM: NEGARA-NEGARA ASEAN PERTAHANKAN MALAYSIA

PETALING JAYA, 16 Okt (Bernama) -- Negara-negara Asean hari ini mempertahankan Malaysia daripada tuduhan yang negara ini sedang mendapatkan sokongan serantau untuk memperkenalkan kawalan ke atas dagangan mata wang.

"Kami tidak membincangkan soal kawalan dan Malaysia tidak pula meminta sokongan untuk sebarang bentuk kawalan," kata menteri sumber utama dan industri Brunei, Pehin Dato Abdul Rahman Taib.

"Apa yang kami bincangkan ialah mengenai cara apa masalah itu menjejaskan sesetengah daripada kami dan bagaimana kami akan hadapinya pada masa depan," katanya menjawab pertanyaan sama ada Malaysia meminta sokongan serantau untuk memperkenalkan sebarang sekatan, pada persidangan berita bersama di mesyuarat ke-29 para menteri ekonomi Asean (AEM) di sini.

Spekulasi tersebar luas bahawa Malaysia sedang mendapatkan sokongan daripada Asean bila ia mengedarkan kertas latar belakang mengenai masalah itu yang menteri perdagangan antarabangsa dan industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata dibuat supaya negara-negara Asean yang terjejas dan negara lain dapat iktibar daripada pergolakan mata wang itu.

Untuk memperkukuhkan sokongan mereka kepada Malaysia, Rafidah, yang mempengerusikan persidangan berita itu dan AEM, meminta setiap rakan sejawatannya itu menjawab soalan tersebut supaya "menyelesaikan isu itu sama sekali."

Beliau berkata bahawa apa yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan serangan spekulatif dan manipulatif terhadap mata wang negara-negara Asean telah sebenarnya mengakibatkan banyak pihak memberi perhatian kepada masalah itu.

Itu terbukti apabila para pegawai Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia datang ke Malaysia untuk meneliti masalah itu, yang menurut Rafidah satu tanda yang menunjukkan bahawa pendirian Malaysia adalah betul.

Menteri penyelaras bagi pengeluaran dan pengedaran Indonesia, Hartarto Sastrosoenarto walaupun tidak menyentuh dengan panjang lebar, meminta pihak media supaya merujuk kepada perenggan 8,9 dan 10 dalam pernyataan yang dikeluarkan selepas AEM yang mengandungi keputusan Asean untuk menangani krisis itu dengan mengekalkan kedinamikan ekonomi rantau ini.

Menteri perdagangan dan perusahaan Singapura, Lee Yock Suan, berkata kertas latar belakang itu sebenarnya meningkatkan iltizam kumpulan serantau itu untuk memperkukuhkan fundamental ekonomi dan dalam masa yang sama mempertingkatkan dayatarikan rantau ini sebagai destinasi untuk pelaburan langsung asing.

Rafidah berkata beliau berharap dengan pengakuan yang diberikan kepada pihak media oleh semua negara Asean, persoalan itu akan ditamatkan.

Beliau berkata Malaysia tidak membuat sebarang keputusan satu pihak untuk menyekat dagangan mata wang tetapi hanya bertindak untuk mengembangkan sempadannya yang mana masalah itu perlu dirundingkan seperti melalui IMF atau Bank Dunia.

Mengulas mengenai pakej awal yang ditawarkan oleh Asean untuk meliberalkan sektor-sektor perkhidmatannya, Rafidah berkata kumpulan itu memutuskan satu pendekatan alternatif di mana tawaran akan dibuat berasaskan kepada asas sektor dan tidak pada asas produk.

Ini bermakna pakej pengliberalan akan meliputi semua sektor perkhidmatan dan sektor-sektor kecil, katanya sambil menambah bahawa untuk pengangkutan, tawaran dibuat oleh Brunei, Singapura dan Malaysia, perusahaan perniagaan -- Filipina, pengangkutan maritim -- Malaysia,

Indonesia dan Thailand, telekomunikasi -- Vietnam, manakala untuk pelancongan, tawaran dibuat oleh semua negara Asean.

Mengenai seruan Dr Mahathir supaya Asean melihat pada diri sendiri dari satu sudut yang baru, Bautista (Filipina) berkata ia relevan kerana kumpulan itu perlu sering mengambil kira perubahan-perubahan yang dinamik... "kita tidak boleh membuat keputusan esok berasaskan kepada standard semalam." -- BERNAMA

MR SIA